

1016

TEORI KEDATANGAN ISLAM DI ALAM MELAYU

Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Shaharuddin Pangilun

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

farhahzaidar@kuis.edu.my

ABSTRAK

Islam merupakan agama terakhir yang dianuti secara besar-besaran dalam kalangan bangsa Melayu di Nusantara. Kedatangan Islam ke wilayah benua Asia Tenggara ini telah menimbulkan sejumlah teori dalam kalangan sejarawan berdasarkan hujah masing-masing. Kepelbagaiannya menunjukkan ketidakselarasan dan ketidakjelasan bukti-bukti sejarah kedatangan Islam yang terdapat dalam tamadun ilmu bangsa Melayu itu sendiri. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan empat teori utama kedatangan Islam ke alam Melayu berdasarkan analisis dokumen sumber-sumber perpustakaan. Kesimpulannya teori kedatangan Islam ke Nusantara dari Tanah Arab adalah yang paling dominan kehujahannya berbanding teori dari India, China dan Champa. Ianya berdasarkan tiga faktor iaitu persamaan mazhab fiqh al-Syafi'i, persamaan sistem tulisan jawi dengan tulisan Arab dan terdapat tokoh dakwah dari Arab yang dikenali sebagai Syeikh Abdul Aziz.

Kata kunci: Teori, Kedatangan, Islam, Alam Melayu.

1. PENGENALAN

Sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mewujudkan beberapa teori-teori. Menurut Zulkiflee Haron (2015) dan Mohd. Jamil Mukmin (2014) terdapat empat teori iaitu Islam datang daripada Arab, kedua Islam datang daripada India, ketiga dan Keempat Islam datang daripada China dan Champa. Menurut Prof. Dr. Abd Jalil bin Borham (2014) teori-teori ini diketengahkan oleh ramai sejarawan seperti Pijnappel, Snouck Hugronje, B. Harisson, Thomas Arnold, Morquette, R.O Winstedt, S.Q. Fatimi, Syed Muhammad Nuqaib al-Attas, HAMKA dan sebagainya. Teori-teori ini sama ada berasaskan pada penemuan sumber sejarah atau rasionalisme sejarawan itu sendiri sehingga lahir teori-teori kedatangan Islam di Alam Melayu.

2. TEORI DARI TANAH ARAB

Sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu sangat berkait rapat dengan hubungan dagang yang terjalin dengan tanah Arab sejak sebelum orang Arab sendiri memeluk agama Islam. Walaupun penyebaran agama Islam ke Alam Melayu dipelopori oleh pemerintahan kerajaan Bani Umayyah. Namun Islam telah sampai ke Alam Melayu lebih awal lagi (Zulkiflee Haron et. al. 2015).

Menurut catatan sejarah, bangsa Arab yang menduduki selatan Semenanjung Tanah Arab yang mengharungi lautan Hindi sebelum kemunculan agama Islam. Mereka menjadi orang tengah antara pedagang Eropah dengan pedagang Asia dari India dan barat rantau Melayu. Walaupun pada akhir abad ke-5 hingga ke-7 Masehi pedagang-pedagang Rom dan Parsi cuba menguasai perdagangan di lautan Hindi, namun pedagang-pedagang Arab masih dapat meneruskan perdagangan mereka sehingga kedatangan orang Portugis pada akhir abad ke-15 (Zulkiflee Haron et. al . 2015).

Menurut John Crawford dalam bukunya ‘*History of the Indian Archipelago*’ Islam datang ke Nusantara dari Tanah Arab. Ini dibuktikan dengan catatan ketika pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah pada abad ke-7 hingga ke-10 Masehi, orang Arab Islam telah berada di Nusantara. Mereka mempunyai angkatan laut yang kuat dan menjalankan perdagangan sambil

menyebarluaskan Islam sepanjang perjalanan ke China melalui Nusantara (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Dalam catatan dari sumber China, terdapat hubungan perdagangan Arab di perairan Asia Tenggara. Contohnya orang Arab sudah berada di Sumatera pada abad ke-7 Masehi dan telah membina perkampungan di bahagian barat kepulauan tersebut. Zaman Khalifah Sulaiman bin Abd al-Malik (715-717M) telah menghantar sebanyak 35 buah kapal ke muara Salak di Jambi. Kapal ini dikatakan bertolak dari Cyelon menuju ke Palembang pada tahun 717 Masehi, sebelum meneruskan perjalannya ke China. Meskipun demikian, Islam turut berkembang di Nusantara dengan usaha golongan Syiah di kepulauan Sila dan Sulu, Sulawesi serta Kalimantan (Zulkiflee Haron et. al. 2015).

3. TEORI DARI INDIA

Terdapat teori menyatakan bahawa Islam di Alam Melayu datangnya daripada India. Teori ini dikemukakan oleh Snauck Hugronje dan Brian Harisson, mereka berpendapat kedatangan Islam di Alam Melayu dilakukan oleh para pedagang Islam yang bermukim di Gujerat dan Malabar. Teori ini diperkuatkan lagi dengan penemuan batu nisan di Pasai yang bertarikh 1428M dan di Gerisik yang bertarikh 1419M oleh G.P. Morquette. Bentuk fizikal kedua-dua batu nisan ini mempunyai ciri persamaan dengan batu nisan di Gujerat. Realiti ini membawa pada kesimpulan sejarah oleh sejarawan iaitu Islam sampai ke Alam Melayu pada awal kurun ke-15M (Zulkiflee Haron et. al. 2015).

Menurut Mohd Jamil bin Mukmin (2014) menyatakan bahawa teori bahawa kedatangan Islam di Alam Melayu datangnya dari Bengal, Coromandel, India diutarakan oleh S.Q Fatimi, Snauck Hugronje, J.P. Morquette dan G.E Marison. Di mana menurut S.Q Fatimi kedatangan Islam ini dilakukan oleh para pedagang dari sana. Bengal lebih awal menerima Islam berbanding Gujerat dan Malabar. Oleh itu proses islamisasi Alam Melayu itu dilakukan oleh wilayah yang lebih awal menerima Islam ini. Menurut S.Q Fatimi, para pedagang Bengal ini bermazhab Shafie sama dengan mazhab umum di Alam Melayu. Secara emperikal, mustahil pedagang Gujerat dan Malabar bertanggungjawab membawa Islam ke Alam Melayu kerana mazhab yang dianuti mereka adalah mazhab Hanafi, manakala Alam Melayu bermazhab Shafie (Zulkiflee Haron et. al. 2015).

Namun teori permulaan Islam sampai ke Tanah Melayu pada abad ke-13 adalah lemah. Berdasarkan bukti yang ada, Islam telah bertapak seawal abad ke-7 atau abad ke-8 Masehi lagi. Di mana kewujudan para pedagang dan pendakwah dari India juga turut berperanan dalam mengembangkan Islam di Alam Melayu (Zulkiflee Haron et. al. 2015).

4. TEORI DARI CHINA DAN CHAMPA

Hubungan perdagangan antara Arab dan China dicatatkan telah berlaku sebelum kelahiran agama Islam lagi di Tanah Arab. Hubungan perdagangan ini secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan dengan kepulauan Melayu (Zulkiflee Haron et. al. 2015). Teori kedatangan Islam di Alam Melayu dari China diketengahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Menurut beliau, pada zaman pemerintahan Dinasti Tang iaitu pada abad ke-7 terdapat seramai 120.000 orang Islam di Canton. Pada Tahun 879 Masehi telah berlaku pemberontakan kaum tani yang mendesak pemerintah mengusir bangsa asing dari bumi Canton. Implikasi tersebut membawa pada penghijrahan para pedagang yang terselamat ke Champa, Kedah Patani,

Kedah, Parlembang, Jawa dan lain-lain demi mendapatkan perlindungan (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Berhubung dengan teori ini juga, terdapat beberapa penemuan sumber artifak atau arkeologi. Antaranya termasuk penemuan batu nisan seorang wali Allah berketurunan Arab di Pekan, Pahang yang bertarikh 1028M di mana atas batu nisan ini terukur ayat-ayat al-Quran (Zulkiflee Haron et. al . 2015) dan Batu Bersurat bertarikh 1303M Kuala Berang, Terengganu. Terdapat juga penemuan batu nisan di Leran, Surabaya bertarikh 1082M atau 1102M yang sangat ketara ciri-ciri keislaman pada batu nisan tersebut (H. Saifullah 2010). Terdapat catatan dalam Dinasti Sung bahawa kedatangan Islam ke Nusantara melalui sepanjang pantai laut China dan dari Tiongkok pada awal tahun 977 Masehi. Laporan ini menjadi bukti kuat kepada S.Q Fatimi bahawa teori kedatangan Islam itu adalah dari China (Zulkiflee Haron et. al 2015).

Selain teori kedatangan Islam dari China, terdapat juga teori yang mengatakan kedatangan Islam ke Tanah Melayu melalui Champa atau Kemboja. Dalam kurun ke-7 dicatatkan bahawa orang-orang Melayu telah mengadakan hubungan dengan penduduk Champa dan Kemboja melalui penaklukan dan perkahwinan terutamanya kalangan keluarga diraja. Di mana Islam dilaporkan telah berkembang di daerah Phanrang, Champa sejak abad ke-8 Masehi lagi. Teori ini dibuktikan dengan penemuan sebuah batu nisan yang bertulis khat khufi bertarikh 1039 Masehi dan sebuah monumen bertarikh 1025 Masehi dan 1039 Masehi. Di mana pada monumen tersebut, terdapat catatan yang berhubung dengan hukum hakam Islam (Zulkiflee Haron et. al 2015).

Berasaskan kepada empat teori yang dikemukakan, bahawa Islam pernah datang dan berkembang di Nusantara serta diterima dengan baik di segenap lapisan masyarakat tempatan. Terdapat pandangan di antara empat teori yang dikemukakan, bahawa teori Islam datang ke Nusantara dari Tanah Arab adalah yang paling dominan (Zulkiflee Haron et. al. 2015), berdasarkan asas-asas berikut:-

- i. Persamaan mazhab fiqh Imam al-Syafie
- ii. Persamaan sistem tulisan jawi (Mohd Jamil Mukmin 2014) dan tulisan Arab.
- iii. Nama pendakwah seperti Syeikh Abdul Aziz yang mengembangkan ajaran agama Islam di Mera Silu.

Menurut Syed Muhammad Nuqaib al-Attas, hampir semua penulisan bercorak keagamaan di kepulauan Nusantara berasal dari tulisan atau rujukan penulis-penulis Arab, bukannya penulis dari India atau China (H. Saifullah 2010).

Berdasarkan teori yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan tarikh paling awal kemasukan agama Islam ke Nusantara adalah antara abad ke-7 hingga ke-10 Masehi, orang Arab Islam telah berada di Nusantara. Tidak keterlaluan untuk dikemukakan bahawa teori yang dibawa oleh Morquette dan S.Q Fatimi kurang tepat serta agak lewat berbanding dengan kenyataan dan catatan yang dibuat oleh John Crawford, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan catatan dari sumber China, di mana telah terdapat hubungan perdagangan Arab di perairan Asia Tenggara. Di mana orang Arab sudah berada di Sumatera pada abad ke-7 Masehi dan telah membina perkampungan di bahagian barat kepulauan tersebut. Bahkan pada zaman Khalifah Sulaiman bin Abd al-Malik (715-717M) telah menghantar sebanyak 35 buah kapal ke muara Salak di Jambi.

Kapal ini dikatakan bertolak dari Ceylon menuju ke Palembang pada tahun 717 Masehi, sebelum meneruskan perjalanannya ke China.

Namun tidak dinafikan terhadap beberapa teori yang menyatakan kemasukan agama Islam agak lewat hingga abad ke-10 atau ke-13 sebagaimana yang dinyatakan oleh Morquette, S.Q Fatimi, Marco Polo dan P.E. De Josselin De Jong yang berkemungkinan menyatakan perkembangan ajaran Islam telah tersebar luas dan diterima dengan baik oleh penduduk tempatan ketika itu dengan bukti-bukti seperti Batu Bersurat bertarikh 1303M di Kuala Berang, Terengganu, batu nisan seorang wali Allah berketurunan Arab bertarikh 1028M di Pekan, Pahang, batu nisan yang sangat ketara ciri-ciri keislaman bertarikh 1082M atau 1102M di Leran, Surabaya.

5. KESIMPULAN

Kedatangan Islam dan perkembangannya telah memberi pengaruh dan kesan yang besar kepada masyarakat tempatan di Alam Melayu daripada aspek sosio budaya, politik dan ekonomi. Terdapat kekeliruan timbul dalam memahami dan mengenalpasti pengaruh Islam terhadap masyarakat Melayu lantaran terdapat pengaruh lain sebelum kedatangan Islam, seperti animisme, Hindu dan Buddha (Zulkiflee Haron et. al . 2015). Justeru itu, pada masa yang sama, teori kedatangan Islam ini perlu diperhalusi kerana ianya mempunyai hubung kait dengan penerbitan dan penyebaran al-Quran yang turut sama berkembang bersama-sama dengan perkembangan Islam di Alam Melayu.

6. RUJUKAN

- Abd Jalil bin Borham.2014. Islam Di Nusantara, *Kolokium Islam Pahang ‘Meraikan Ilmu’* ,Anjuran Muzium Negeri Pahang di Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 18 Mac.
- Dr. H. Saifullah, SA. MA. 2010. *Sejarah & Kebudayaan Islam Di Asia Tenggara*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. hlm. 45.
- Mohd Jamil bin Mukmin. 2014. *Sejarah Kerajaan-Kerajaan Islam Secara Ringkas Dan Sejarah Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara Secara Ringkas*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia
- Zulkiflee Haron & et. al. 2015. *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. Johor Bahru: UTM.